

03 JUN 1996

AGONG UTUS PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA RAJA TONGA

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengutus perutusan tahniah kepada Raja Tonga Raja Taufau'ahau Tupou IV sempena hari kebangsaan negara itu.

Dalam perutusannya, Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah berharap hubungan persahabatan yang erat di antara Malaysia dengan Tonga serta rakyat kedua-dua negara akan menjadi lebih kukuh pada masa akan datang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi masing-masing menyampaikan perutusan serupa kepada rakan sejawatan mereka Baron Vaea dan Putera Mahkota Tupouto'a. --
BERNAMA

SJA HAK